

# Barisan kabinet memuaskan — PM

KUALA LUMPUR 28 Feb. — Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau berpuas hati dengan barisan kabinetnya yang selama ini banyak membantunya menjalankan dan menentukan segala dasar kerajaan.

Beliau berkata, walaupun terdapat beberapa perbezaan pendapat di kalangan ahli kabinet dalam menyelesaikan sesuatu masalah namun segalanya dapat diselesaikan dengan baik dan teratur.

Katanya, setiap ahli kabinetnya mempunyai pandangan dan pendekatan mereka masing-masing dan setiap pandangan tersebut haruslah dihormati walaupun ia tidak mendapat sokongan oleh ahli kabinet yang lain.

Perbincangan dan selisih pendapat dalam menyelesaikan sesuatu masalah merupakan perkara biasa bukan sahaja di dalam kabinet tetapi juga dalam mesyuarat-mesyuarat yang lain, ujar beliau.

“Saya tidak harap semua orang akan mempunyai fikiran dan pendekatan yang seratus peratus sama dengan saya.

“Sekiranya semuanya sama sahaja, kita tidak perlu ada kabinet. Saya beri arahan sudahlah,” katanya kepada RTM selepas membuat rakaman ucapan sempena Hari Raya Aidilfitri di Angkasapuri di sini hari ini.

Dr. Mahathir berkata, fungsi kabinet ialah untuk bertukar-tukar fikiran di kalangan ahli-ahlinya dalam merangka sesuatu

program serta menyelesaikan sesuatu isu.

Beliau memberitahu, selama ini banyak masalah berjaya diselesaikan hasil daripada perbincangan di dalam kabinet.

Perdana Menteri berkata, dengan adanya pertukaran pendapat dalam mesyuarat kabinet, segala idea, dasar dan pendekatan dapat dikenalpasti kelemahan dan kebaikannya.

Ketika ditanya mengenai penulis Barat yang mengalihkan kritikan mereka daripada beliau kepada Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, Dr. Mahathir menjelaskan, memang ada pihak yang tidak begitu senang hati dengan ketenteraman politik dan pembangunan di negara ini.